

HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI GURU DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
PELAJAR DI 4 BUAH SEKOLAH DI DAERAH KOTA TINGGI

MOHD RAIZUDDIN BIN HAMAT

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2013

DEDIKASI

Buat bonda Tersayang

Rasmani Bt Sulaiman terima kasih atas doa dan kata-kata semangat selama ini bagi meneruskan pengajian selama ini yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Buat adik beradik yang lain Ruslina Bt Hamat dan, Muhammad Rosaizal B Hamat yang banyak berkorban selama ini dari segi tenaga dan kewangan dalam meneruskan pengajian ini.

Buat ayahanda Hamat Bin Ibrahim semoga kita bertemu di surga Allah nanti.

Juga

Pihak Pentadbir dan Rakan-Rakan Di SMK Tanjung Datuk, Kota Tinggi yang bertimbang rasa, memahami keadaan dan memberi kelonggaran untuk mengikuti kelas pada hujung minggu.

Penyelia yang dihormati Dr.Khadijah Binti Daud yang sentiasa memantau serta memberi bimbingan dan tunjuk ajar dari masa ke semasa.

Rakan-rakan kuliah yang banyak membantu.

Terima kasih kerana telah memberiku semangat untuk meneruskan jihad yang tiada penghujungnya.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Khadijah Bt. Daud yang tidak jemu memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dari awal sehinggalah selesai kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada semua pensyarah UTM yang pernah mencurahkan bakti mereka di kelas Pesisir Kota Tinggi ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pelajar-pelajar yang sudi meluangkan masa untuk menjadi responden dalam kajian saya ini. Penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

Akhir sekali, kepada rakan seperjuangan yang telah bersama-sama mengharungi segala suka dan duka sepanjang proses pembelajaran ini. Semangat setia kawan dan keikhlasan membantu serta sedia berkongsi maklumat akan saya ingat sampai bila-bila.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan antara motivasi guru dengan pencapaian akademik pelajar bagi 4 buah sekolah menengah di daerah Kota Tinggi, Johor. Kajian kuantitatif ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Seramai 60 orang pelajar dari empat buah sekolah di daerah Kota Tinggi yang terdiri daripada dua buah sekolah bandar dan dua buah dari sekolah luar bandar dipilih. Kaedah tinjauan dilakukan menggunakan soal selidik skala Likert lima mata dan data yang diperoleh dianalisis menggunakan SPSS versi 16.0. Dapatan kajian menunjukkan tahap motivasi guru berada pada tahap yang tinggi ($M=69.7$). Dalam aspek pencapaian akademik pelajar pula, didapati bahawa secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi ($M=60.2$). Pihak pentadbir juga disarankan supaya dapat mengekalkan tahap motivasi guru pada tahap yang tinggi bagi meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar dalam masa yang sama. Dicadangkan kajian lanjutan untuk melihat korelasi antara tahap motivasi guru dengan pencapaian pelajar mengikut konstruk dalam setiap pemboleh ubah.

ABSTRACT

This study was conducted to examine the relationship between teachers' motivation and academic achievement of students in 4 schools in the district of Kota Tinggi, Johor. Quantitative study aimed to identify whether there is a relationship between the two variables. A total of 60 students from four schools in the district of Diabetes, High consisting of two urban schools and two from rural schools selected. Survey method is done using a questionnaire and a five-point Likert scale data was analyzed using SPSS version 16.0. The results showed the teacher is at a high level ($M = 69.7$). In the area of academic achievement, it is found that generally at a high level ($M = 60.2$). The administration also recommended in order to maintain the level of teacher motivation at a high level to improve the academic performance of students in the same time. Recommended further studies to look at the correlation between the teacher and students' achievement according to the constructs in each variable.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JADUAL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	viii
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI SIMBOL	xix
	SENARAI LAMPIRAN	xx

1. PENDAHULUAN

MUKA SURAT

1.1 Pengenalan	1 - 3
1.2 Latar Belakang Masalah	3 - 7
1.3 Pernyataan Masalah	7 - 9
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	10 - 13
1.8 Skop Kajian	13
1.9 Batasan Kajian	13
1.10 Definisi Istilah / Operasional	14
1.10.1 Motivasi	14
1.10.2 motivasi guru	15
1.10.3 guru	15
1.10.4 pencapaian akademik	16
1.10.5 pelajar	16
1.11 Rumusan	17 – 18

2. SOROTAN PENULISAN

2.1 Pengenalan	19
2.2 Konsep	19 - 22
2.2.1 kepentingan motivasi dalam pendidikan	22 – 23
2.3 Teori-Teori	23 - 25
2.3.1 Teori Hierarchy Keperluan	25
2.3.1.1 Teori Keperluan Fisiologi	25
2.3.1.2 Teori Keperluan Keselamatan	26
2.3.1.3 Teori Keperluan Penghargaan	26
2.3.1.4 Teori Keperluan Penghormatan Kendiri	27
2.3.1.5 Teori Keperluan Penyempurnaan Kendiri	27
2.3.2 Teori Tingkah Laku Skinner	28

2.3.3	Teori Motivasi Pencapaian	28 – 29
2.3.4	Teori Motivasi Jangkaan	29
2.3.5	Teori Atribusi Oleh Benand Weiner	30
2.4	Jenis-Jenis Motivasi	30
2.4.1	Motivasi Intrinsik	30 - 31
2.4.2	Motivasi Ekstrinsik	31
2.5	Motivasi Guru	31 – 32
2.5.1	Ciri-ciri Guru yang Bermotivasi	32 – 36
2.5.2	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Guru	36 – 38
2.5.3	Faktor-faktor yang menurunkan Motivasi Guru	38 – 42
2.6	Pencapaian Akademik Pelajar	42 – 43
2.7	Kajian-kajian Lepas	43
2.7.1	Kajian Luar Negeri	43
2.7.2	Kajian Dalam Negeri	44
2.8	Kesimpulan	45

3. METHODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Lokasi Kajian	47 – 49
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	49
3.5	Instrumen Kajian	49 - 52
3.6	Prosedur Kajian	52
3.7	Kajian Rintis	52
3.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	53
3.8.1.1	Kesahan	54
3.8.1.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	54
3.9	Penganalisan Data	
3.10	Kesimpulan	55

4. ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan	56
4.2 Latar Belakang Responden	57 - 59
4.2.1 Jantina	
4.2.2 Bangsa	
4.2.3 Lokasi Sekolah	
4.3 Analisa Data Berdasarkan Persoalan Kajian	59 - 79
4.4 Rumusan Analisa Data	80
4.5 Kesimpulan	80

5. DAPATAN PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	81
5.2 Rumusan Kajian	82 – 83
5.3 Perbincangan Dan Kesimpulan	84 – 86
5.4 Cadangan	87 – 89
5.5 Rumusan	90

RUJUKAN	91 - 102
----------------	----------

LAMPIRAN	
-----------------	--

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1. 1.1	Kerangka Teori Kajian	11
2. 1.2	Kerangka Konsep Kajian	12
3. 2.2	Model Motivasi Pencapaian	28
4. 2.3	Formula Teori Jangkaan	29

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
3.1	Senarai Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi	48
3.2	Jadual Item Aspek Kajian Motivasi Guru	50
3.3	Hubungan Pencapaian Pelajar	50
3.4	Skor Skala Likart	51
3.5	Taburan Pengagihan Soal Selidik Kajian	51
4.1	Taburan Bilangan Peratusan Responden Mengikut Jantina	58
4.2	Taburan Bilangan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	58
4.3	Taburan Bilangan Peratusan Responden Mengikut Lokasi Sekolah	59
4.4	Taburan Tahap Motivasi Guru Bagi Keseluruhan Konstruk	60
4.5	Taburan min, sisihan piawai, peratusan & tahap motivasi guru berdasarkan konstruk insentif	61
4.6	Taburan min, sisihan piawai, peratusan & tahap motivasi guru berdasarkan konstruk pemikiran	63
4.7	Taburan min, sisihan piawai, peratusan & tahap motivasi guru berdasarkan emosi	65
4.8	Taburan min, sisihan piawai, peratusan & tahap motivasi guru berdasarkan konstruk tingkah laku	67
4.9	Taburan tahap pencapaian pelajar bagi keseluruhan konstruk	69
4.10	Taburan min, sisihan piawai, peratusan & tahap pencapaian Pelajar berdasarkan konstruk pencapaian	70
4.11	Taburan min, sisihan piawai, peratusan & tahap pencapaian Pelajar berdasarkan konstruk keanggotaan	73
4.12	Taburan min, sisihan piawai, peratusan & tahap pencapaian Pelajar berdasarkan konstruk pengaruh	75
4.13	Keputusan kolerasi Pearson bagi hubungan antara motivasi guru Dengan pencapaian akademik pelajar di 4 buah sekolah Daerah Kota Tinggi	78

SENARAI SINGKATAN

JDI : Job Descriptive Index

KPM : Kementerian Pelajaran Malaysia

PPD : Pejabat Pelajaran Daerah

SPSS : Statistical Package For Social Science

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	: Borang Soal Selidik	170
B	: Surat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada KPM dan PPD Kota Tinggi.	120
C	: Senarai sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini.	115
D	: Data analisis statistik deskriptif dan inferensi.	123

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan pengawal utama mutu perkhidmatan pendidikan di negara Malaysia. Di dalam hirarki KPM, sekolah telah diletakkan sebagai institusi yang berada di barisan paling hadapan iaitu sebagai pelaksana dasar dan polisi pendidikan yang digubal berdasarkan situasi dan keperluan semasa. Peranan pendidik pula ialah memberikan perkhidmatan yang meliputi pelbagai tugas iaitu membimbing dan memantapkan ilmu pengetahuan dan kemahiran di samping melahirkan insan yang mempunyai sahsiah yang terpuji selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan bahawa Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah membangunkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia,

bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran mesyarakat dan negara.

Pelbagai langkah telah diambil oleh KPM dalam menjana pendidikan bertaraf dunia dengan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pada abad ke-21. Pemimpin merupakan agen perubahan ke arah kecemerlangan sesebuah organisasi. Selain menghalu tuju sesebuah organisasi, pemimpin perlulah sentiasa kompetan dan relevan dengan isu-isu semasa, malahan peranannya meliputi tugas menyediakan persekitaran yang mempunyai kolaborasi antara ahli-ahlinya bagi mencapai matlamat wawasan ataupun pembaharuan dalam organisasi (Abd Karim Md.Nor,1993). Fungsi dan kepentingan seseorang pemimpin tidak boleh diperkecilkan kerana kepimpinan merupakan aspek penting dalam menentukan keberkesanan pengurusan organisasi. Justeru pemimpin yang cemerlang mampu merangsang dan meningkatkan motivasi ahli-ahlinya mencapai kejayaan.

Motivasi dilihat sebagai kuasa dorongan yang datang daripada dalam diri seseorang dan juga dorongan yang dipergunakan ke atas individu-individu lain supaya meningkatkan daya usahanya (Ainon, 2004). Motivasi guru biasanya dikaitkan dengan sikap guru terhadap kerjayanya. Ia dilihat sebagai keinginan guru untuk mengambil bahagian dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam lingkungan persekitaran sekolah. Ia juga melibatkan minat guru terhadap disiplin dan kawalan pelajar terutamanya dalam kelas, boleh dikatakan juga motivasi guru mempengaruhi aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang beroperasi dalam sesebuah sekolah.

Guru adalah orang yang menterjemahkan falsafah dan objektif pendidikan negara kepada ilmu pengetahuan dan kemahiran dan seterusnya menyampaikannya kepada para pelajar. Keberkesanan guru menyampaikan pengajarannya sangat dipengaruhi oleh motivasinya. Motivasinya pula dipengaruhi oleh beberapa keadaan. Antaranya ialah suasana bilik darjah. Mengikut Ofoegbu (2004) jika suasana kelas di mana guru mengajar dalam keadaan selamat, sihat, ceria dan mempunyai bahan sumber dan kemudahan pengajaran yang menyokong proses pengajaran dan pembelajaran yang optima, guru itu akan cenderung untuk terlibat sama dengan pengurusan dan pentadbiran penambahbaikan keseluruhan sekolah. Menurut beliau

lagi motivasi guru juga dipengaruhi oleh gaji, elaun, kemudahan teknologi untuk pengurusan kelas dan penambahbaikan sekolah.

Sementara itu tahap motivasi guru semasa menjalankan tugas di sekolah sangat mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Kajian di Nigeria oleh Ozigi (1992), Ndu (1998), Ala-Adeyemi (1990) dan International Labour Organization (ILO 1996), mendapati motivasi guru-guru di Nigeria yang rendah menyebabkan pencapaian akademik di negara itu sangat rendah. Namun demikian terdapat juga kajian yang menunjukkan tahap motivasi guru yang rendah tidak mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar. Menurut beliau pelajar-pelajar kelas pintar mempunyai cita-cita tinggi untuk lulus peperiksaan dengan markah cemerlang. Mereka sentiasa rajin dan bermotivasi tinggi untuk belajar. Oleh itu guru tidak perlu bersusah payah mengajar mereka dengan menggunakan pendekatan-pendekatan canggih. Menurut beliau lagi, ada kalanya guru kelas pintar mengajar sambil duduk sahaja di mejanya dan pelajar-pelajarnya masih boleh mencapai kejayaan cemerlang.

1.2 Latar Belakang Masalah

Guru adalah orang yang penting dalam perkembangan pendidikan seseorang. Guru merupakan orang dewasa pertama ‘yang bukan saudara’ yang berhubung terus dengan kanak-kanak (Smith, 1979). Menurut beliau lagi, melalui guru kanak-kanak didedahkan dengan nilai dan budaya sesuatu masyarakat. Di Malaysia tugas guru sebagai pendidik bukan sahaja menyampaikan maklumat berkaitan dengan mata pelajaran yang diajarnya tetapi juga sebagai pembentuk tingkah laku, sahsiah, sikap dan nilai pelajar-pelajarnya (Ramlah, 2004). Hal ini adalah kerana matlamat pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan insan kamil yang baik budi pekertinya, berilmu dan bertanggung jawab kepada diri, keluarga, agama, bangsa dan negaranya.

Di Malaysia, guru merupakan golongan manusia yang memberi impak besar kepada masyarakat dan negara. Bersesuaian dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan,

golongan pendidik mengambil peranan kedua selepas ibubapa dalam membentuk sahsiah dan perwatakan pelajar (Khairina Yasin, 2001). Dari aspek pengaruh pula, guru adalah insan yang mempunyai pengaruh besar terhadap perkembangan personaliti, mental dan fizikal setiap manusia (Noran dan Ahmad Mahdzan, 1992).

Tugas utama guru bukan sahaja setakat mengajar tetapi perlu mendorong pelajar untuk belajar. Untuk menjadi pendorong pelajar yang baik, guru perlu mengetahui ilmu-ilmu yang berkaitan dengan motivasi. Selain itu, guru juga mesti mempunyai motivasi yang tinggi dalam melaksanakan tugasnya. Hal ini adalah penting kerana motivasi dalam pembelajaran sangatlah penting terutama dalam mencapai matlamat pembelajaran. Slavin (1997) mengatakan "*Students who are academically unmotivated to learn do not learn*".

Setiap guru mengetahui mereka perlu mendorong murid-murid mereka supaya rajin belajar dan menjadi individu-individu yang baik dan penuh semangat (Abdullah Hassan, Ainon Mohd., 2004). Mengikut beliau lagi, guru hanya dapat menjadi pendorong kepada murid-muridnya apabila terdapat hubungan yang sihat dan positif. Justeru, langkah pertama untuk menjadi guru yang berkesan adalah membina hubungan baik itu, di mana hubungan baik itu perlu dibina terlebih dahulu, sejak hari pertama guru memperkenalkan dirinya kepada kelasnya, iaitu sebelum guru mula mengajar. Guru yang tidak disukai oleh pelajar-pelajarnya tidak mungkin dapat mendorong mereka melakukan apa-apa, melainkan melalui paksaan, ancaman dan ugutan.

Motivasi guru mempengaruhi kualiti pengajaran guru. Selain daripada mempunyai pengetahuan yang cukup tentang subjek yang diajarnya, guru perlu mempunyai motivasi yang tinggi untuk menyampaikannya. Mengikut Dill (1990) jika pengajaran guru hanya setakat menyampaikan maklumat dan tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk menarik respon pelajar terhadap apa yang disampaikannya maka pengajaran guru menjadi kurang berkesan.

Mengikut Griffin (1986), guru bermotivasi tinggi adalah guru yang berpengetahuan, cekap mengurus dan konsisten dalam memimpin kelas, berinteraksi dengan pelajar, rakan sejawat dan ahli masyarakat setempat secara berkesan. Mereka

juga kerap berkerja sama dengan rakan sejawat untuk mengenalpasti masalah pelajar di kelas dan sekolah dan seterusnya bertindak mengatasinya. Mereka juga membuat persiapan yang rapi sebelum masuk ke kelas. Di kelas pula, mereka menggunakan pendekatan-pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai serta kerap membantu pelajarnya untuk mengutarakan soalan dan membina kemahiran regulasi sendiri bagi membolehkan pelajar berdikari dan kreatif.

Guru yang bermotivasi tinggi akan berjaya mendorong para pelajarnya untuk terus bersemangat dan menjadikan pengajaran dan pembelajaran di kelas lebih seronok dan bermakna. Brophy (1998) mengatakan bahawa proses pembelajaran merupakan sesuatu yang menyeronokkan sekiranya kurikulum yang digubal dan guru yang melaksanakan aktiviti yang selari dengan kehendak dan minat pelajar. Hasil pembelajaran yang menyeronokkan akan lebih bermakna dan kekal lebih lama dalam ingatan

Sementara penyelidikan yang dilakukan oleh Brown dan McIntyre (1993) mengenai pengajaran berkesan mendapati bahawa guru yang bermotivasi tinggi dapat mencipta persekitaran bilik darjah yang menyeronokkan dan tenang. Motivasi tinggi guru akan menjadikan mata pelajaran yang diajarnya bertambah menarik dan tidak membosankan serta mudah difahami dan guru tersebut mampu mengawal diri dari dibelenggu perasaan marah. Sebaliknya suasana kelas guru-guru yang bermotivasi rendah agak membosankan.

Guru-guru yang bermotivasi juga lebih berdedikasi dan bersungguh-sungguh dalam tindakan dan lebih komited daripada guru-guru yang tidak bermotivasi. Menurut Ramlah (2004) guru-guru yang bermotivasi akan membangkitkan dorongan atau motivasi supaya pembelajaran menjadi lebih berkesan, bermakna dan menyeronokkan.

Motivasi guru dipengaruhi oleh sikap dan minat seseorang itu di dalam profesion tersebut. Pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan dan persekitaran serta prasarana yang disediakan oleh pihak sekolah boleh meningkatkan motivasi

guru. Menurut Glatthorn (1996), tahap motivasi guru untuk mengajar di sekolah dipengaruhi oleh tujuh faktor iaitu;

- 1.2.1 Persekitaran yang menyokong pengajaran berkualiti – Guru akan lebih bermotivasi jika sekolah sebagai tempat kerja yang menggalakan pengajaran berkualiti.
- 1.2.2 Pekerjaan yang bermakna – Guru akan lebih bermotivasi jika mereka percaya bahawa tugas mengajar dianggap sesuatu pekerjaan yang mulia dan bermakna. Guru percaya bahawa dengan mengajar mereka berupaya mengubah masa depan pelajar. Semua orang dewasa mempunyai kecenderungan untuk melakukan sesuatu yang bermakna dalam kehidupan mereka.
- 1.2.3 Sistem kepercayaan – Guru akan lebih bermotivasi jika mereka mempunyai keupayaan efisiensi (keupayaan untuk mengubah) dan mempunyai keyakinan hasil pengajaran adalah setimpal dengan usaha pengajaran. Guru juga akan lebih bermotivasi jika mempunyai kepercayaan bahawa semua pelajar boleh belajar dan boleh mencapai kejayaan.
- 1.2.4 Matlamat – Guru yang mempunyai matlamat pengajaran yang jelas akan lebih bermotivasi dan akan berusaha terus untuk mencapai kejayaan.
- 1.2.5 Ganjaran – Guru akan bermotivasi tinggi jika mementingkan ganjaran intrinsik iaitu seperti kepuasan kerana mempunyai kecekapan mengajar pelajar-pelajarnya dengan berkesan.
- 1.2.6 Maklum balas – Guru akan lebih bermotivasi apabila sentiasa menerima pelbagai maklum balas yang menunjukkan pelajar-pelajar belajar. Keputusan cemerlang pelajar-pelajarnya, ucapan tahniah daripada rakan sejawat dan pentadbir sekolah juga boleh menjadi sumber motivasi guru.
- 1.2.7 Otonomi dan kuasa – Guru akan lebih bermotivasi jika mereka diberi kuasa untuk menentukan apa yang mereka hendak ajar, cara mengajar dan cara mereka menilai pencapaian pelajar.

Tahap motivasi guru juga dikatakan dipengaruhi oleh jantina (Dunkin, 1987). Menurut beliau guru wanita lebih bermotivasi di dalam bilik darjah serta lebih mesra dan lebih banyak mendidik dan mengasuh berbanding dengan guru lelaki.

Namun demikian guru lelaki lebih lebih dominan dan berkuasa dalam bilik darjah berbanding guru wanita.

Menurut Fenstermacher dan Soltis (2008) motivasi bukan sahaja penting bagi menarik minat pelajar dalam aktiviti pembelajaran tetapi yang lebih penting lagi ialah untuk menentukan sejauh mana pencapaian pelajar dalam aktiviti yang disertai atau berapa banyak maklumat yang telah didedahkan kepada mereka. Menurut beliau lagi pelajar yang bermotivasi untuk mempelajari sesuatu akan menggunakan proses kognitif yang lebih tinggi untuk menyerap maklumat dan mengekalkannya dalam ingatan.

Antara kajian yang telah dijalankan di luar negeri mengenai hubungan motivasi dengan pencapaian akademik pelajar ini ialah kajian oleh Goodlad (1984) dan Goodlad & Klein (1970). Dapatan mereka menunjukkan guru-guru yang rendah motivasinya kerap menggunakan kaedah syarahan yang membosankan dan menjejaskan pencapaian akademik pelajar-pelajarnya.

1.3 Pernyataan Masalah

Sebelum seseorang itu dilantik menjawat jawatan guru mereka terlebih dahulu mengikuti latihan perguruan. Mereka dikehendaki lulus dalam ujian bertulis dan latihan mengajar sebelum di tempatkan ke sekolah-sekolah. Sebagai golongan pendidik profesional guru mempunyai pelbagai pengetahuan dan kemahiran seperti kaedah mengajar, mengurus kelas, pembimbing dan mempunyai motivasi yang tinggi untuk menjadi pendidik. Selain daripada latihan yang diterima ketika berada di maktab-maktab perguruan (sekarang dikenali sebagai Instituti Pendidikan Guru) atau di Instituti Pengajian Tinggi Awam (IPTA) guru-guru juga mendapat latihan lanjutan ketika berada di sekolah. Mereka dikehendaki mengikuti kursus-kursus pendek anjuran sekolah atau Pejabat Pelajaran Daerah. Walau bagaimana pun apabila mereka bertugas di sekolah mereka tidak dapat mengekalkan motivasinya.

Hal ini kerana mereka terpaksa menghadapi pelbagai masalah yang menjejaskan tumpuan tugas utama mereka.

Antara masalahnya ialah masih terdapat prasarana di sekolah yang tidak lengkap atau usang yang tidak dapat menyokong pengajaran berkualiti. Keadaan bilik darjah yang panas, alat bantu mengajar tiga dimensi yang kurang merupakan contoh persekitaran yang melemahkan motivasi pengajaran guru. Keadaan ini diburukkan lagi dengan kerenah pelajar sekarang yang sangat dimanjakan oleh ibu bapa. Pelajar menjadi malas dan kurang berdisiplin yang menyebabkan tugas mengajar menjadi semakin sukar. Selain itu guru juga dibebankan tugas bukan mengajar seperti kerja-kerja pengkeranian, mengecat sekolah, menjaga kesihatan pelajar, membekalkan maklumat kepada Pejabat Pelajaran Daerah dan Negeri menyebabkan guru kekurangan masa untuk membuat persediaan rapi sebelum masuk ke kelas (Yong, 2006). Guru yang kurang bersedia sebelum masuk ke kelas akan hilang fokus semasa menyampaikan pengajarannya. Jika hal ini kerap berlaku pengajaran guru akan kurang berkesan dan akhirnya menjejaskan pencapaian pelajar-pelajarnya.

Bidang perguruan yang menawarkan pendapatan terjamin dan cuti yang agak panjang menarik ramai orang untuk menjadi guru walaupun kurang berminat dalam kejayaan mengurus manusia. Oleh itu kedapatan golongan guru yang menceburi bidang perguruan semata-mata untuk mendapat jaminan pekerjaan dan pendapatan. Bidang perguruan tidak dianggap sebagai suatu pekerjaan yang bermakna dan mulia. Mereka masuk ke kelas hanya setakat menyampaikan maklumat dan menghabiskan sukatan pelajaran. Mereka tidak ambil pusing sama ada pengajarannya berkesan atau tidak. Tambahan pula jika guru berkenaan dikehendaki mengajar kelas lemah. Mereka tidak berusaha untuk mendorong pelajar-pelajarnya agar berjaya mencapai kejayaan yang cemerlang kerana beranggapan pelajar lemah tidak boleh mencapai kejayaan.

Glatthorn (1996) yang membuat kajian di Amerika Syarikat mendapati kerja sambilan seperti mengajar di pusat-pusat tuisyen, menjual insuran dan juga menjadi agen syarikat jualan langsung yang dilakukan oleh sebahagian guru untuk mencari pendapatan lebih boleh menjadikan guru-guru terbabit menjadi kurang bermotivasi

dan pasif ketika di sekolah. Dapatan kajian ini mempunyai sedikit persamaan dengan dapatan kajian Azman (1999) yang mendapati motivasi rendah guru-guru yang mengajar di enam buah sekolah menengah berprestasi rendah di Kluang Johor mempengaruhi keputusan yang rendah pelajar-pelajarnya di peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Justeru kajian ini akan melihat sama ada keadaan ini juga berlaku di 4 buah sekolah di daerah Kota Tinggi.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1.4.1 Mengenalpasti tahap motivasi guru di 4 buah sekolah di daerah Kota Tinggi

1.4.2 Mengenalpasti tahap pencapaian akademik pelajar di 4 buah sekolah di daerah Kota Tinggi

1.4.3 Mengenalpasti hubungan antara motivasi guru dengan pencapaian akademik pelajar di 4 buah sekolah di daerah Kota Tinggi

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, persoalan-persoalan utama yang menjadi kajian ini ialah:

1.5.1 Apakah tahap motivasi guru di 4 buah sekolah di daerah Kota Tinggi?

1.5.2 Apakah tahap pencapaian akademik pelajar di 4 buah sekolah di daerah Kota Tinggi?

1.5.3 Adakah terdapat hubungan antara tahap motivasi guru dengan pencapaian akademik pelajar di 4 buah sekolah di daerah Kota Tinggi?

1.6 Hipotesis Kajian

Ho 1 Tiada hubungan yang signifikan antara motivasi guru dengan pencapaian akademik pelajar.

1.7 Kepentingan Kajian

Motivasi dalam kalangan guru di sekolah saling berkait terutama sekali semasa proses pembelajaran dan pengajaran berjalan. Guru-guru yang bermotivasi tinggi dalam kerjayanya akan menjalankan tugas. Oleh itu kajian yang berkaitan dengan motivasi guru dan hubungannya dengan pencapaian pelajar mempunyai beberapa kepentingan. Antara kepentingan hasil kajian ini ialah pihak pentadbir sekolah harus mengenalpasti tahap motivasi guru-gurunya melaksanakan tugas. Sekiranya tahap motivasi guru rendah pihak pentadbir perlu mencari jalan meningkatkannya. Oleh itu diharapkan kajian ini boleh membekalkan maklumat kepada pihak sekolah tentang kepentingan motivasi terhadap guru-guru di sekolah. Seterusnya maklumat-maklumat kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah untuk merangka program pembangunan staf dan peningkatan profesionalisme di kalangan guru-guru.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi panduan kepada guru-guru bahawa tahap motivasi mereka memainkan peranan dalam keberkesanan pengajaran mereka selama ini. Tahap motivasi mereka dalam melaksanakan tanggung jawab

sebenarnya dicerminkan oleh gaya pengajaran mereka. Kajian ini juga boleh memberi maklum balas kepada para guru sama ada pengajaran mereka berkesan atau pun tidak.


Penyelidikan ini juga akan dapat membantu Bahagian Pendidikan Guru (BPG) untuk memilih bakal-bakal guru yang mempunyai personaliti motivasi tinggi yang bersesuaian dalam bidang perguruan. Seterusnya diharapkan kajian ini mampu memartabatkan profession pendidikan itu sendiri kerana guru-guru sentiasa bermotivasi dalam menjalankan tugas.

1.8 Kerangka Teori dan Kerangka Konsep

Kerangka kajian ini terdiri daripada kerangka teori dan kerangka konsep.

1.8.1 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian ini terdiri daripada dua teori iaitu model Teori Motivasi Guru Teori Slavin (1995) dan Teori Motivasi Pencapaian Atkinson (1964).




Rajah 1.1: Kerangka teori kajian

1.8.2 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian telah dibina berdasarkan dua teori yang telah dijelaskan di atas. Kerangka konsep dalam kajian ini adalah daripada pemboleh ubah bebas yang mengandungi teori motivasi guru di mana ia merupakan pemboleh ubah bebas. Ianya terdiri daripada empat dimensi yang dinyatakan Slavin (1995).

Manakala pemboleh ubah bersandar kajian ini terdiri daripada tiga komponen yang dinyatakan oleh Atkinson (1964).



Rajah 1.2: Kerangka konsep kajian

1.9 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada persoalan-persoalan yang dinyatakan sahaja. Populasi dalam kajian ini pula terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan lima di 4 buah sekolah menengah daerah Kota Tinggi. Pelajar tingkatan lima dipilih kerana mereka akan mengambil peperiksaan SPM pada tahun 2013. Sampel terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan. Kajian ini juga hanya meninjau faktor guru hanya melibatkan motivasi guru, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar. Faktor-faktor lain seperti kelemahan pelajar, latar belakang pelajar dan pengaruh persekitaran tidak ditinjau. Oleh itu hasil kajian ini tidak boleh digunakan untuk menerangkan keadaan yang sama di semua sekolah di Malaysia.

1.10 Definisi Istilah

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah dan konsep yang akan digunakan dalam operasi kajian. Istilah -istilah operasional ini akan dihuraikan definisinya untuk mengelakkan kekeliruan serta memudahkan pembaca memahami kajian ini.

1.10.1 Motivasi

Istilah ‘motivasi’ berasal daripada perkataan latin ‘*movere*’ yang bermaksud ‘to move’ atau untuk bergerak. Motivasi bermakna sesuatu kuasa yang menggerakkan seseorang melakukan sesuatu untuk mencapai matlamat atau kejayaan. Motivasi juga dilihat sebagai satu rancangan untuk mengelakkan daripada kegagalan. Seseorang yang bermotivasi bererti ia telah memperoleh kekuatan untuk mencapai kecemerlangan hidup. (dunia dan akhirat) (Ramlah, 2004) Menurut Baron (1992) dan Schunk (1990) “*motivation as an internal process that activates, guide, and maintains behavior over time. In plain language, motivation is what gets you going, keep you going, and determines where you’re trying to go.*” Slavin (1997) pula menyatakan tahap motivasi seseorang berbeza antara seseorang individu dengan seseorang individu yang lain dari segi arah dan kekentalannya. Kamus Dewan (1994) pula mentakrifkan motivasi sebagai sesuatu yang membuat dan mendorong seseorang berusaha untuk melakukan sesuatu dengan penuh minat.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah, Brophy (1998) berpendapat motivasi ialah pengerak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat pelajar. Kamarudin Hj.Husin (1993) pula menyatakan motivasi adalah penting kerana membolehkan pelajar-pelajar melibatkan diri secara aktif, disamping menjadikan proses pembelajaran itu berlangsung dalam suasana yang bermakna, berfaedah dan mengembirakan.

Brophy (1998) menyatakan motivasi adalah satu konstruk teori yang digunakan untuk menjelaskan inisiatif, arah, darjah keamatan dan penzahiran tingkah laku terutamanya tingkah laku yang didorong oleh sesuatu matlamat.

Motivasi memberi kesan yang besar bagi mendorong pelajar untuk memajukan diri mereka mencapai matlamat dalam kurikulum dan ko-kurikulum.

1.10.1.1 Motivasi Guru

Dalam konteks kajian ini, motivasi guru adalah tahap motivasi guru yang dinilai melalui persepsi pelajar. Pelajar akan membuat persepsi terhadap motivasi guru-guru mereka semasa guru melakukan pengajarannya di kelas dan ketika pelajar menemui guru di luar waktu kelas. Tahap motivasi guru dinilai oleh pelajar berdasarkan penampilan dan tingkah laku guru ketika menjalankan proses pengajaran. Di luar kelas pula pelajar menilai motivasi guru berdasarkan hubungan guru dengan pelajar yang meliputi aspek bentuk layanan, kesediaan dan penerimaan semasa guru menemui pelajar-pelajarnya.

1.10.2 Guru

Menurut Kamus Dewan (1996) guru ialah orang yang kerjanya mengajar, sebagai seorang pengajar atau pendidik. Guru juga ditakrifkan sebagai individu-individu yang ditugaskan untuk menyampaikan pengetahuan-pengetahuan. Sebelum ditempatkan di sekolah-sekolah bakal-bakal guru mengikuti dan lulus kursus-kursus perguruan sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau di maktab-maktab perguruan (sekarang dikenali sebagai Institut Pendidikan Guru). Guru-guru dikehendaki mengajar mata pelajaran mengikut ofsyennya.

1.10.3 Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik pelajar diukur melalui ujian dan peperiksaan. Ujian adalah bentuk penilaian secara formatif iaitu untuk mengukur penguasaan pelajar terhadap topik-topik yang sedang diajar. Manakala peperiksaan pula terbahagi dua jenis iaitu kendalian sekolah dan kendalian Lembaga Peperiksaan Malaysia. Kedua-duanya adalah jenis sumertif iaitu untuk mengukur penguasaan pelajar ke atas semua topik yang telah dipelajari. Terdapat dua jenis peperiksaan kendalian sekolah iaitu peperiksaan setengah tahun dan peperiksaan akhir tahun. Manakala peperiksaan kendalian Lembaga Peperiksaan Malaysia ialah Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Objektif peperiksaan PMR ialah untuk mengukur tahap penguasaan akademik pelajar sepanjang tiga tahun iaitu dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Manakala objektif peperiksaan SPM pula ialah untuk mengukur tahap penguasaan akademik pelajar dari tingkatan empat hingga tingkatan lima.

1.10.4 Pelajar

Menurut Kamus Dewan (1994), pelajar bermaksud:

- (i) Orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya.
- (ii) Orang yang mengaji atau menyelidiki ilmu.

Pelajar-pelajar dalam kajian ini adalah pelajar sekolah yang sedang belajar dalam tingkatan lima di 4 buah sekolah di daerah Kota Tinggi.

Rumusan

Salah satu daripada masalah yang ketara yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di negeri Johor ialah pencapaian akademik. Masalah ini dicerminkan oleh pencapaian akademik pelajar-pelajar di negeri Johor pada keseluruhannya kurang memberangsangkan terutamanya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Pencapaian yang agak lemah ini mungkin ada kaitannya dengan motivasi guru-guru yang mengajar dengan pencapaian akademik pelajar. Hubungan tersebut perlu dikaji untuk mengetahui faktor-faktor motivasi guru dengan pencapaian akademiknya. Beberapa kajian yang ditinjau menunjukkan wujud pengaruh motivasi guru terhadap pencapaian akademiknya. Untuk menentukan sejauh mana hubungan ini wujud maka kajian ini dijalankan.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohamad (1996). *Pemikiran logikal dan kritikal*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Adair, J. (1990). *Understanding motivation*. Surrey : The Talbot Adair Press.
- Ala-Adeyemi, F. B. O., and Afolebi, F. O. (1990). Job satisfaction among school teacher. Dlm. Udoh, S. U., Akpan, G. O., and Gang, K. P. (eds.). *Toward functional Primary Education in Nigeria*. NAEAP.
- Abdul Raof dan T. Subahan (1991). *Isu-isu latihan mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ahmad Mahzan Ayob (1993). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zaidee (2002). "Hubung kait sahsiah guru teknikal terhadap pembelajaran pelajar." UTM. Tesis Sarjana Pendidikan
- Ainon Mohamad (2004). *Panduan menggunakan teori motivasi di tempat kerja*. Bentong : PTS Publications and Distributor Sdn. Bhd.
- Ames, C., & Ames, R. (1989). *Research in motivation in education. Vol 3*. San Diego: Academic Press.
- Amir Awang (1986). *Teori-teori pembelajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Arkes, H.R. , Garske, J.P. (1977). *Psychological theories of motivation*. California : Brooks / Cole Publishing Company.
- Atan Long (1978). *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Atan Long (1980). *Pedagogi kaedah am mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti. Sdn. Bhd.
- Atkinson, J. W. (1978). *Personality, motivation and achievement*. Washington : John Willey.
- Atkinson, J. W. (1983). *Personality, motivation, and action, selected papers*. New York : Praeger Publishers.
- Atkinson, J. W., & Raynor, J. O. (2005). *Personality, motivation, and achievement*. Washington, D.C : Hemisphere Publishing Corporation.
- Azman Ali (1999). "Tahap motivasi guru-guru di enam buah sekolah berprestasi rendah di Daerah Kluang Johor." UTM. Tesis Sarjana Muda.
- Baharudin Ali (1996). Pengaruh ibubapa : Kertas kerja seminar disiplin kebangsaan. (Tidak diterbitkan)
- Baron, B. (1993). When smart groups fail. *Journal of the learning sciences*, 12, 307-359.
- Bandura, A. (1986). *Self-efficacy. In Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs NJ: Prentice Hall.
- Biddle , B., & Anderson, D. (1986). Theory, methods, knowledge and research on teaching. Dlm. M. C. Wittrock (ed.). *Handbook of Research on Teaching*. (3rd ed.) New York: Macmillan.
- Brophy, J. (1987). Socializing students motivation to learn. Dlm. M. L. Maher and D. A. Kleiver (eds.). *Recent Advances in Motivation and Achievement*. Vol.5. Greenwich, Conn.: JAI Press.

- Brophy, J. (1998). *Motivating Students to Learn*. Boston: McGraw Hill Company.
- Brophy, J. E., & Good, T. L. (1986). Teacher behavior and student achievement. Dlm. M. C. Wittrock (ed.), *Handbook of Research on Teaching*. (3rd ed.) New York: Macmillan.
- Brown, S., & McIntyre, D. (1993). *Making sense of teaching*. Buckingham UK: Open University Press.
- Chu Siew Fong (2005). "Hubungan Faktor guru dengan motivasi dan pencapaian pelajar". Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Ijazah Sarjana.
- Crow, L. D., & Crow, M. A. (1983). *Psikologi pendidikan untuk perguruan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dill, D. D., and associates. (1990). *What teachers need to know*. San Francisco : Jessey-Bass Publishers.
- Doyle, W. (1986). Classroom organization and management. Dlm. M.C. Wittrock (Ed.), *Handbook of research on teaching* . New York : Mcmillan.
- Doyle, W. (1986). Academic Work. Dlm. T. Towlinson and H. Walberg (eds.), *Academic Work and Educational Excellence*. Berkely, California : Mc Cutchan
- Druva, C., & Anderson, R. (1983). Science teacher characteristics by teacher behavior and by student outcome: A meta-analysis of research. *Journal of Research in Science Teaching*, 20 (5) 467-479.
- Dunkin, M. J. (1987). *The encyclopedia of teaching and teacher education*. New York: Pegamon.

- Ee Ah Meng (1987). *Pedagogi untuk bakal guru*. Kuala Lumpur : Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1989). *Pedagogi satu pengenalan; Edisi kedua*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1999). *Psikologi pendidikan 1- Psikologi perkembangan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng (1995). *Sekolah dan perkembangan kanak-kanak (Asas Pendidikan 4)*. Kuala Lumpur : Penerbitan Fajar Bakti.
- Evertson, C., Hawley, W., and Zlotnile, M. (1985). *Making a difference in educational quality through teachers education. Journal of Teacher Education, 36, 2-12.*
- Fauziah bte Abdul Hamid (2000). "Guru berkualiti: Satu tinjauan terhadap sahsiah dan pengajaran guru mengikut persepsi pelajar di SMK Pasir Gudang (1), Johor." Tesis Sarjana Pendidikan. UTM, Johor.
- Fenstermacher, G. D., & Soltis, J. F. (1998). *Approaches to teaching*. New York: Teachers College Press.
- Franken, R. E. (1994). *Human motivation*. California: Brooks / Cole Publishing Company.
- Gage, N. L, Berliner, D. C. (1984) *Educational Psychology*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Glatthorn, A. A. & Fox, L. E. (1996). *Quality teaching through professional development*. California: Sage Pub.

- Glickman, C. D., Gordon, S. P., Gordon, J. M. R. (2005). *The basic guide to supervision and instructional leadership*. Boston : Pearson.
- Goodlad, J. (1984). *A place called school*. New York: McGraw-Hill.
- Goodlad, J.I., Soder, R., & Sirotnik, K. A. (1990). The moral dimensions of teaching. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Griffin, G. (1986). Clinical teacher education. Dlm. J.Hoffman and S. Edwards (eds.). *Reality and reform in clinical teacher education*. New York : Guilford
- Habibah Elias dan Rahil Hj. Mahyuddin (1990). *Psikologi pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Habibah Elias (1991). “Kesan latihan motivasi pencapaian ke atas pelajar-pelajar universiti.” Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Ph.D.(tidak diterbitkan).
- Harter, S. (1993). The relationship between perceived competence, affect, and motivational orientation within the classroom: Processes and pattern of change. Dlm. A.K Boggiano & T.S. Pittman (Eds.), *Achivement and motivation: A social-developmental perspective*. New York: Cambridge University Press.
- Henson, K. T., & Keller, B. F. (1999). *Educational Psychology for effective teaching*. New York: Wadsworth Publishing.
- Hergenhahn, B. R. (1976). *An introduction to theories of learning on education*. New Jersey: Prentice Hall, Eaglewood Cliffs.
- [http// www.com/p20677/pedagogi.htm](http://www.com/p20677/pedagogi.htm).
- Jensen, E. (1997). *Completing the puzzle: The brain compatible approach to*

learning (2nd ed.). Del Mar California : Turning Point.

Johnson, D. W., & Johnson, R. T. (1991). *Learning together and alone: Cooperative, competitive, and individuallistic learning*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

Johnson, D. W., & Johnson, R. T. (1995). *Creative controversy: Intelectual challenge in classroom*. Edna,MN : Interaction Book.

Kamarudin Hj. Husin (1993). *Pedadgogi 3 - Penggunaan psikologi dalam bilik darjah*. Petaling Jaya : Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Kamus Dewan (1994). Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Keller, J. M (1983). Motivational design of instruction. Dlm. C.M Reigeluth (Ed.), *Instructional design theories and models*. Hillsdale, NJ: Lawerence Erlbaum.

Kerlinger, F. N. (1985). *Foundation of behavioral research*. Forth Worth: Harcourt Brace College Publisher.

Khairina Yasin (2001). "Sambutan Hari Guru Iktiraf Pengorbanan Pendidik". *Minda Pelajar, Bil 389*, 16-21 Mei 2000, Berita Harian Publishing, Kuala Lumpur.

Krjcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30, 607-610.

Lee Jia Yi (2004). "Student motivation." Article Teacher Training College. Taiwan.

Lee, Shok Mee (1993). *Asas pendidikan 2- Psikologi dalam bilik darjah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

- Lee Shok Mee (1997). *Psikologi Pendidikan 2*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Lepper, M. (1983). Extrinsic reward and intrinsic motivation: Implications for the classroom. Dlm. J. Levine & M. Wang (Eds.), *Teacher and student perceptions: Implications for learning*, Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Lepper, M., & Hoddle, M. (1988). Intrinsic motivation in the classroom. Dlm. C. Ames & R. Ames. (Eds.), *Research on motivation in education. Volume 3: Goals and cognitions*. San Diego: Academic Press.
- Leinhardt, G., Smith, D. (1985). Expertise in mathematics instruction: Subject matter knowledge. *Journal of Education Psychology*, 77, 247-271.
- Linskie, R. (1977). *The learning process: Theory and practice*. New York: D Van Nostrand Company.
- Lortie, D. C. (1975). *Schoolteacher*. Chicago: University of Chicago Press.
- Majlis Pengetua Kanan Kebangsaan (2005). *Panduan pengurusan sekolah: Ke arah pendidikan cemerlang*. Selangor: Percetakan Selasih Sdn. Bhd.
- Malone, T. W. (1981). Toward a theory of intrinsically motivating instruction. *Cognitive Science*, 4, 333-369.
- Maznah bt Ahmad (1995). *Perkembangan psikologi di Malaysia*. Bangi: UKM.
- Marzano, R. J. (1992). *A different kind of classroom: Teaching with dimensions of learning*. Alexandria, VA : Association for supervision and curriculum development.
- Marzano, R. J. (2001). *Classroom instruction that works: Research based strategies for increasing student achievement*. New Jersey: Prentice Hall.

Maslow, A. H. (1968). *Toward a psychology of Being*. New Jersey : Van Nostrand.

Mohd Salleh Lebar (1996). *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd.

Mohd Halim (1988). “Mengesakan punca-punca kelemahan pelajar dalam matematik di Sekolah Daerah Hulu Langat.” Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.

Mohd. Majid Konting (1993). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Najib Abd. Ghafar (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Najib Abd. Ghafar (2003). *Rekabentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Salleh dan Zaidatun Tasir (2001). *Pengenalan kepada analisis data berkomputer : SPSS 10.0 for Window*. Kuala Lumpur : Venton Publishing.

Mok Soon Sang (2003). *Ilmu pendidikan untuk KPLI : Komponen psikologi pendidikan dan pedagogi*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Muhibbin Syah (1995). *Psikologi pendidikan dengan pendekatan baru*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.

Nik Azis Nik Pa (1992). *Penghayatan matematik KBSR dan KBSM, agen dan Tindakan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka.

Nik Azis Nik Pa (1994). *Penghayatan wawasan pembangunan negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan.

Nolan, J., & Hoover, L. A. (2004). *Teacher supervision and evaluation. Theory into practice*. USA : John Wiley & Sons. Inc.

Noran Fauziah Yaakob (1991). *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayob (1992). *Guru dan perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nurizam bin Mat Saad (2002). “Kesan dan pengaruh iklim sekolah terhadap masalah disiplin pelajar tingkatan 4 di SMK Teknik, Terengganu”. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.

O’Donnell, A. M., Reeve, J., Smith, J. K. (2007). *Educational psychology. reflection for action*. USA : John Wiley & Sons, Inc.

Ofoegbu, F. I. (2004). Teacher motivation: A factor for classroom effectiveness and school improvement in Nigeria. *College Journal*. 5. (21-32)

Ormrod, J. E. (1995). *Educational psychology: Principles and applications*. New Jersey: Prentice Hall.

Ormrod, J. E. (1998). *Educational psychology: Developing learners*. New Jersey: Prentice Hall Inc.

Pintrich, P. R., & De Groot, E. (1990). Motivation and self-regulated learning components of academic performance. *Journal of Education Psychology*, 82, 33-40.

Pintrich, P. R. (2002). *Motivation in education: Theory, research and application*. New Jersey: Merrill Prentice Hall.

- Patrick, B. C., Hisley, J. & Kempler, T. (2000). "What's everybody so excited about" The effect of teacher enthusiasm on student intrinsic motivation and vitality. *Journal of Experimental Education*, 68, 217-236.
- Raffini, J. P. (1996). *150 ways to increase intrinsic motivation in the classroom*. Boston : Allyn and Bacon.
- Ramlah Jantan dan Mahani Razali (2004). *Psikologi pendidikan- Pendekatan kontemporari*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill (Malaysia).
- Rapaah Kamdi (1996). "Hubungan di antara prestasi akademik, pengalaman mengajar dan sahsiah guru pelatih Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim Johor Bahru dengan kecekapan mengajar". Tesis Sarjana. UTM, Johor.
- Reeve, J. (1997). *Understanding motivation and emotion*. New York: Harcourt Brace College Publishers.
- Rogers, C. R. (1980). *A way of being*. Boston: Houghton Mifflin.
- Rosenshine, B., & Stevens, R. (1986). Teaching functions. Dlm. M. Wittrock (Ed). *Handbook of research on teaching* (3rd. Ed.). New York: Mcmillan.
- Santrock, J. W. (2001). *Educational psychology*. New York: Mc Graw Hill Co. Inc.
- Schunk, D. H. (1989). Self-efficiency and achivement behaviors. *Educational Psychology Review*. 1, 173-208.
- Schunk, D. H. (1991). Self-efficacy and academic motivation. *Educational Psychologist*, 26, 207-231.
- Schunk, D. H. (1991). *Learning theories: Educational perspective*. New York: Merrill.

- Sergiovanni, T. J., dan Starratt, R. J. (2002). *Supervision a redefinition*. Boston : Mc Graw Hill.
- Sharifah Alwiah Alsogoff (1983). *Ilmu pendidikan pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinanan Asia.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1984). *Falsafah pembelajaran*. Petaling Jaya: Heneman Education Book (Asia) Ltd.
- Sharifah Habibah bt Rahman (1999). "Persepsi tingkah laku guru yang ideal terhadap motivasi oleh pelajar-pelajar sains dan sastera di Negeri Johor." Tesis Sarjana Muda. UTM, Johor.
- Shukor bin Hamdan (2000). "Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi guru dan prestasi kerja guru. Satu kajian kes di SMK Muar, Johor." Tesis Sarjana Muda. UTM, Johor.
- Shulman, L. S. (1986). Those Who Understand: Knowledge Growth in Teaching. *Educational Researcher*. 15. (2), 4-14.
- Skinner, E. A., & Belmont, M. J. (1993). Motivation in the classroom: Reciprocal effect of teacher behavior and student engagement across the school year. *Journal of Educational Psychology*, 85, 571-581.
- Skinner, E. A., Wellborn, J. G., & Connell, J. P. (1990). What it takes to do well engagement and school achievement. *Journal of Educational Psychology*, 59, 239-243.
- Skinner, B. F. (1958). Reinforcement today. *American Psychology*. 85, 571-581.
- Slavin, R. E. (2004). *Educational psychology. Theory and practice. (5th ed.)*. Boston : Allyn and Bacon

- Smith, J. M., Lusteran, D. D. (1979). *The teacher as learning facilitator*.
California: Wadsworth Publishing Company Inc.
- Spence, J. T., Izard, C. E. (1985). *Motivation, emotion, and personality*.
Amsterdam: Elsevier Science Publishing Company B.V.
- Stipek, D. (1984). The development of achievement motivation. Dlm. R. Ames &
C. Ames (Eds.). *Research on motivation in education. Vol. 1. Student
motivation*. New York: Academic Press.
- Thorndike, E. L. (1931). *Human learning*. New York: The Century Co.
- Tileston, D. W. (2004). *What every teacher should know about student motivation*.
California : Thousand Oaks.
- Weiner, B. (1986). *An attributional theory of motivation and emotion*. New York:
Springer-Verlag.
- Yong May Lee (2005). “Kesan ciri-ciri kerjaya terhadap motivasi kerja guru”.
Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Ijazah Sarjana.
- Yusliha bt Yusof (2001). “Persepsi pelajar tingkatan empat terhadap personaliti
guru di 3 buah sekolah menengah sekitar Daerah Marang, Terengganu.”
Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Ijazah sarjana Muda.
- Wan Rahimah Wan Abdul Kadir (1995). Pendidikan masa kini: Kaedah
melahirkan generasi berkualiti.” *Jurnal Guru*. 5. 426-436
- White, R.W. (1959). Motivation reconsidered: The concept of competence.
Psychological Review, 66, 297-333.
- Wright, S. (1960). Path coefficients and path regressions. Alternative or
complementary concepts. *Biometrics*, 16, (189-202)